

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA!



DANIEYA ENERGY

AMARAN!!!

Semua soalan yang terkandung di dalam E-Book ini boleh membuat orang lain suka pada anda, jatuh hati pada anda, sayang pada anda, setia pada anda dan mampu membuat orang menjadi tak tentu arah apabila anda tiada di sisi mereka.



Kandungan di dalam E-Book ini juga mampu membuat orang tergilakan anda, mereka akan bergantung kepada anda untuk membuat keputusan dalam hidup mereka, sentiasa mahu mendampingi anda, pendek kata - ibarat anda ini adalah dadah untuk mereka. Bila anda tiada dalam hidup mereka, mereka jadi gila bayang.

JANGAN GUNAKAN E-BOOKINI UNTUK MENGANIAYA, MENIPU ORANG, BERMAIN DENGAN PERASAAN ORANG LAIN ATAU APA-APA NIAT YANG TIDAK BAIK.

GUNAKAN ILMU DI DALAM E-BOOKINI UNTUK TUJUAN YANG BAIK SAHAJA.



TAHUKAH ANDA?

97% daripada manusia menyembunyikan kesedihan mereka kerana tidak tahu kepada siapa patut diluahkan, tidak tahu siapa yang boleh dipercayai dan tidak tahu bagaimana mahu memulakan.

86% daripada orang disekeliling anda menyembunyikan kegembiraan mereka, pencapaian mereka dan kebahagiaan mereka kerana tidak tahu jika orang lain mengambil berat tentang mereka atau sudi mendengar mereka.

6 daripada 10 orang sentiasa tertunggu jika ada orang sudi bertanyakan dan berborak dengan mereka perkara yang mereka suka dan membuat diri mereka dihargai.

5 KESALAHAN YANG SERING KITA LAKUKAN

1. Bila kita berbual dengan orang lain, pastikan ianya tentang diri mereka dan bukan anda. Apabila kita meletakkan diri mereka sebelum diri anda, mereka akan melakukan perkara yang sama.
2. Apabila kita bertanyakan soalan kepada orang di hadapan kita, tunggu mereka menjawab sehingga habis dan jangan mencelah. Dan jangan tolol mereka habiskan perkataan atau ayat mereka. Ingat, ini kisah atau cerita mereka. Tugas anda hanya mendengar dan memahami.
3. Jangan pegang handphone atau benda lain di dalam tangan anda ketika mereka menjawab soalan-soalan anda, ini menunjukkan benda lain lebih penting daripada mereka.
4. Jangan tukar topik ketika mereka sedang kusyuk bercerita menjawab soalan anda. Ini dinamakan "potong stim" dan mereka akan "turn-off" dan merasakan diri mereka tidak dihargai. Tunggu sampai dia habis idea / cerita, baru anda ke soalan yang lain.
5. Jangan tanyakan soalan peribadi yang kurang selesa jika anda baru kenal atau baru rapat dengan orang di hadapan anda. Sebaliknya, ceritakan kisah anda sebagai contoh mungkin kisah anda pernah dianiaya, dan selepas itu anda tanyakan padanya jika dia pernah lalui pengalaman yang sama. Cerita anda adalah ibarat frame / rangka cerita untuk membuat dia berkongsi pengalaman yang sama.

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA



BEST KAN? SERONOK KAN?

BAYANGKAN BILA KITA TAKDA, ORANG JADI TAK TENTU ARAH!

**BAYANGKAN JIKA ORANG DI HADAPAN ANDA TIDAK MAHU BALIK DAN TERUS MAHU
BERBUAL DENGAN ANDA!**

Bayangkan peluang kenaikan pangkat, mendapat gaji yang anda mahukan ataupun berjaya menawan hati si dia yang anda sudah lama berkenan?

Bayangkan anda mampu menyelamatkan perhubungan anda yang retak dengan hanya bertanyakan soalan soalan yang mencuit hati dan membuat pasangan anda hargai anda dan rasa dihargai.

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA

INGAT!!!!

Pernah dengarkan pesan NABI, makan sebelum lapar, berhenti sebelum kenyang?

Sama juga dalam perhubungan kita dengan orang lain:

Makan Sebelum Lapar - Jangan gunakan soalan-soalan ini hanya pada mereka yang ada kepentingan untuk diri anda. Gunakan kepada semua orang, dari penjaga pintu ke makcik cleaner dan sesiapa saja. Jangan tunggu bila anda perlukan mereka baru anda mahu gunakan soalan-soalan ini. SALAH!



Berhenti sebelum kenyang - Apabila perbualan sedang kusyuk, dan anda rasakan seperti tidak mahu berhenti, pada ketika itulah anda harus berhenti. Jangan teruskan ke soalan yang seterusnya. Simpan soalan lain untuk hari yang lain. Kenapa? Kerana kenangan terakhir mereka bersama anda adalah sesi berbual yang kusyuk dan best, dan mereka akan teringin mahu bertemu anda lagi.

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA

PADA SIAPA ANDA BOLEH GUNAKAN SOALAN-SOALAN INI?

1. Di Tempat Kerja

- Boss anda (Manager, Supervisor, Leader, CEO, HOD dan siapa saja berjawatan lebih tinggi dari anda).
- Staff-staff yang bekerja di bawah anda.
- Rakan sepejabat yang bekerja bersama dengan anda atau jabatan lain.
- Pelanggan anda atau vendor / supplier anda.
- Untuk Team Building dan membina silatulrahim staff dalam jabatan / syarikat.

2. Di Rumah

- Isteri / Suami / Kekasih anda
- Anak-anak atau adik beradik anda
- Ibu-bapa / mertua
- Ahli keluarga lain baik dekat atau jauh

3. Sesiapa sahaja dalam perjalanan hidup anda.

- Di Majlis kahwin, keramaian, kenduri keluarga
- Ketika beriadah bersama kawan, atau dikenalkan kepada kenalan yang baru
- Sesiapa saja yang anda bertembung dan berbual.
- Gunakan dengan penuh keyakinan dan niat yang baik dalam diri anda kerana anda percaya satu hari nanti anda mungkin perlukan bantuan mereka.

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA

1. Apakah satu kenangan terindah zaman kanak-kanak awak, yang bila awak terbayang, Senyuman Terukir Di Wajah Awak?
2. Apakah satu perkara yang awak rasa mudah untuk awak tapi susah untuk orang lain?
3. Adakah kerja yang awak buat sekarang ini adalah sesuatu yang awak minat? Jika ya, apakah yang memberi awak inspirasi untuk membuat kerja ini?
4. Apakah genre muzik kegemaran awak dan kenapa?
5. Apakah tajuk lagu yang bila awak dengar, membawa awak kembali ke zaman remaja dan awak tersenyum seorang diri?
6. Adakah awak memiliki haiwan peliharaan (pet)? Apa yang paling comel tentang pet awak tu?
7. Pada pendapat awak, buku apa yang awak baca baru-baru ini yang awak rasa saya pun patut baca?
8. Apakah pencapaian terbaik awak yang tiada orang lain atau tak ramai yang tahu? Tidak kisah zaman sekolah, zaman belajar, dalam hidup atau dunia kerjaya.
9. Apakah satu kebolehan awak yang tiada orang atau tak ramai yang tahu?

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA

10. Apakah movie / filem terbaru yang awak tonton yang best dan awak rasa saya patut tonton?
11. Apakah perkara yang paling gila-gila awak pernah lakukan yang kalau awak terbayangkannya , awak ketawa seorang diri.
12. Apakah perkara paling geli hati atau lucu yang awak pernah terlihat?
13. Apakah makanan ibu awak yang paling sedap yang awak suka?
14. Dalam banyak-banyak restoran yang awak pernah makan, yang mana awak rasa makanan dia yang paling sedap?
15. Apakah perkara yang awak rasa paling menjengkelkan dan annoying?
16. Apakah tradisi keluarga awak yang sentiasa di amalkan? Tiada kaitan dengan agama. Mungkin budaya bangsa ataupun tradisi keluarga.
17. Apakah benda pertama yang awak beli dengan duit awak sendiri yang awak kumpul?
18. Apakah perkara terbaik yang berlaku dalam hidup awak minggu ini atau baru-baru ini yang membuat awak tersenyum dan gembira?
19. Apakah nasihat terbaik yang awak boleh berikan kepada orang yang baru memulakan kerja di tempat baru atau baru masuk kedunia kerjaya?

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA

20. Apakah nasihat terbaik yang awak boleh berikan kepada orang yang baru memulakan kerja di tempat baru atau baru masuk kedunia kerjaya?
21. Apakah satu perkara paling sweet yang ibu-bapa awak pernah lakukan untuk awak?
22. Apakah satu pengorbanan ibu atau ayah awak untuk awak yang awak tidak mungkin lupakan?
23. Apakah satu perkara yang awak tidak jangkakan, tapi telah berlaku dan awak bersyukur dan gembira kerana ia berlaku?
24. Apakah sukan kegemaran awak dan kenapa?
25. Pilih salah satu sahaja. McD atau KFC? KFC atau Nasi Lemak? Nasi Lemak atau Mee Kari? Mee Kari atau Cendol? Cendol atau masakan ibu? anda boleh jadi kreatif dengan memberi mereka pilihan yang mencuit hati.
26. Apakah makanan paling pelik awak pernah makan atau pernah lihat orang makan?
27. Apakah tabiat awak yang paling pelik dan kelakar yang tidak ramai orang tahu?
28. Namakan satu lagu kegemaran awak ketika zaman persekolahan?
29. Jika awak ada sebuah kapal layar, apakah nama yang awak akan berikan dan kenapa?

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA

30. Apakah cerita paling kelakar yang awak pernah tonton?
31. Siapakan pelakon pelawak yang paling kelakar untuk awak dan kenapa awak suka dia?
32. Bayangkan jika awak ada RM 1 juta sekarang dan harus habiskan semua RM 1 juta itu dalam masa 24 jam dengan membeli barang untuk diri sendiri, apakah barang-barang yang awak akan beli?
33. Jika awak diberi peluang melancong ke tempat peranginan kegemeran awak, dan diberi peluang membawa dua selebriti (seorang lelaki dan seorang perempuan) kegemaran awak, siapakan yang awak akan bawa dan kenapa?
34. Pernah tak awak dianiaya oleh orang yang awak percaya?
35. Apakah satu perkara baik yang awak rasa ada pada saya, tapi tiada pada orang lain?
36. Apakah 3 perkara yang awak rasa ada persamaan antara kita berdua?
37. Apakah kenangan paling pahit dalam hidup awak yang tidak mungkin awak lupakan?
38. Apakah 3 perkara yang awak sangat suka tentang hidup awak?
39. Apakah 3 perkara yang awak sangat hargai dalam hidup awak?

50 SOALAN RAHSIA YANG BUAT ORANG ANGAU PADA ANDA

40. Siapakah 3 kawan awak yang sentiasa buat awak gembira dan bertenaga?
41. Siapakah 3 orang yang bertanggungjawab menjadikan siapa diri awak hari ini?
42. Pernah tak awak lakukan sesuatu seikhlas hati walaupun penat tapi tak dihargai?
43. Jika awak mampu ubah, apakah satu benda tentang zaman kanak-kanak awak yang akan awak ubah dan apa yang akan awak lakukan?
44. Satu perkara yang awak pernah lakukan yang mengguris hati ibu atau ayah awak dan awak masih menyesal sehingga kini?
45. Apakah yang awak paling hargai dalam sebuah persahabatan dan siapakah sahabat awak yang sentiasa bersama awak sewaktu susah dan senang?
46. Jika ada satu perkara tentang saya yang awak rasa boleh diubah, apakah ia?
47. Bayangkan awak bercuti di Tioman, siapakah 3 lagi kawan yang awak akan bawa bersama selain dari saya dan kenapa awak pilih 4 orang ini?
48. Apakah satu perkara lucu yang mengaibkan yang pernah berlaku kepada awak?
49. Apakah 10 perkara yang awak mahu buat sebelum meninggalkan dunia ini?
50. Bayangkan kita berdua bermain dalam hujan, awak nak main frisbee atau menari?

PERINGATAN

Anda mungkin akan bertemu orang yang sentiasa berborak tentang diri mereka dan tiada pun mahu mendengar anda. Mereka tidak bertanya apa-apa tentang anda walaupun anda mungkin ada memberi signal. Mungkin anda tertanya apa yang harus dilakukan?

- Mudah, jika orangnya adalah boss atau customer atau mertua atau ibu-bapa anda, sudah tentu anda tidak boleh buat apa-apa. Layangkan saja.
- Jika orangnya adalah bakal kekasih atau kawan, ini amaran awal yang anda harus berhati-hati dan jika boleh elakkan diri dari mereka. Kerana mereka ini dipanggil golongan VAMPIRE dimana mereka menyerap tenaga anda dan setelah meluangkan masa bersama mereka, anda akan rasa down, penat, stress dan terbuang masa.

TINGGALKAN SAHAJA MEREKA!

Jangan gunakan semua soalan yang diberi dalam masa sehari. Anda harus menggunakan setiap soalan yang di atas sebaik mungkin untuk mengenali diri orang itu. Adakala jawapan mereka singkat, anda boleh gali lebih dalam dengan betanyakan soalan berkaitan topik tadi.

DUA PERKARA PENTING YANG ANDA HARUS JAGA!

Ada dua perkara penting yang anda harus jaga untuk 50 soalan rahsia ini berkesan.

Bayangkan anda mahu mendengar lagu tanpa irama. Sedap tak? Sudah pasti sumbang kan. Sama juga mendengar irama tanpa lagu, tak best juga.

Apakah dua perkara itu?

1. Penampilan - anda harus jaga penampilan anda, sentiasa kemas dan sedap mata memandang. Dan paling penting jaga bau-bauan berikut:-

- Bau mulut, bau rokok, bau badan, bau kepam pakaian dan segala bau yang membuat orang di hadapan tidak selesa. Mereka akan lari dari menjawab soalan anda.

ANDA PASTI TIDAK MAHU MAKAN LAKSA TEPI TONG SAMPAH KAN?


2. Perwatakan - anda harus jaga perwatakan anda supaya tidak menjengkelkan, menyakitkan hati orang lain, mengaibkan orang lain atau menguris hari dan perasaan orang lain.

- Jaga perkataan yang anda ucapkan atau keluar dari mulut anda. Apabila orang selesa mendampingi anda, mereka akan meluangkan masa menjawab soalan anda.

KALAU KEDAI BERSIH MACAM MANA PUN, KALAU LAUK BASI TAK BEST KAN?

RUMUSAN

Semua soalan yang diberi di atas akan "trigger" hormon gembira dan membuat orang di hadapan anda merasa seronok, didengari, difahami dan dihargai.



Apabila hormon gembira mengalir dalam diri seseorang sewaktu atau selepas berurus dengan anda, mereka akan jadi ketagih dan mahu bertemu anda lagi, mendampingi anda, dan rasa seronok bila anda ada di sisi.

Secara tidak langsung, orang itu berada dalam genggaman anda dan anda mampu untuk mendapatkan apa yang anda mahukan dari orang itu seperti perniagaan, kepercayaan, kasih-sayang dan lain-lain. **GUNAKAN DENGAN NIAT YANG BAIK!**